


# KOD ETIKA PAKAIAN STAF 2011

## UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية  
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA





# KOD ETIKA PAKAIAN STAF 2011



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية  
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

**CETAKAN PERTAMA 2011**

© Hak Cipta Universiti Sains Islam Malaysia

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada USIM.

**Diterbitkan oleh:**

Bahagian Governan dan Pentadbiran Am  
Jabatan Pendaftaran  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai  
Negeri Sembilan Darul Khusus  
Tel : 06-798 6021/8123 Faks : 06-798 8130  
<http://www.usim.edu.my>

Alu-Aluan Naib Canselor	4
Alu-Aluan Pendaftar	5
Tujuan	6
Definisi	7
Panduan Pakaian Semasa Bekerja	7
Pemakaian Yang Tidak Dibenarkan Semasa Bekerja	12
Panduan Pemakaian Pakaian Seragam	16
Panduan Pakaian Menghadiri Istiadat dan Majlis	17
Rumusan	21
Rujukan	22

## Alu-Aluan Naib Canselor



*Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera*

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada Jabatan Pendaftar kerana berjaya menerbitkan Buku Kod Etika Pakaian Staf Universiti Sains Islam Malaysia kali ke-2 dengan menambahbaik Kod Etika Pakaian sedia ada.

Imej dan penampilan diri seseorang merupakan cerminan personaliti dan imej organisasi yang didokonginya. Imej seseorang itu dinilai daripada beberapa aspek seperti pakaian kerana ianya memainkan peranan yang sangat penting dalam menentukan keperibadian seseorang. Di samping menekankan penyampaian kualiti perkhidmatan yang cemerlang, USIM turut menitikberatkan penampilan dan keterampilan pegawainya bagi memberikan imej yang baik kepada Universiti tanpa mengabaikan nilai-nilai seorang Muslim dan Muslimah yang digariskan.

Diharapkan Buku Kod Etika Pakaian Staf USIM ini menjadi panduan dan seterusnya dipatuhi oleh semua warga USIM bagi membentuk dan mempertingkatkan imej dan penampilan diri pegawai sekaligus mengangkat nama USIM menjadi sebuah institusi yang disegani pada masa hadapan.

Salam hormat

**PROFESOR DATO' DR. MUHAMAD MUDA**

Naib Canselor

Universiti Sains Islam Malaysia

## Alu-Aluan Pendaftar



Assalamualaikum Wrt Wbh.

Saya ingin merakamkan penghargaan di atas inisiatif menerbitkan Buku Kod Etika Pakaian Staf Universiti Sains Islam Malaysia kali ke-2 ini yang menjelaskan dengan terperinci tatacara berpakaian bagi seseorang staf USIM selain bertujuan untuk menetapkan jenis pakaian yang sesuai dan kemas untuk dipakai semasa bekerja dan semasa menghadiri majlis-majlis rasmi.

Dengan adanya garis panduan ini, diharapkan warga USIM dapat mempertingkatkan lagi imej dan penampilan diri sekaligus memenuhi hasrat Universiti menjadi sebuah institusi yang terkehadapan dalam semua bidang.

Sekian, terima kasih.

**MUHAMMAD HAIZUAN ROZALI**

Pendaftar


Universiti Sains Islam Malaysia

## Kod Etika Pakaian Staf USIM

### 1.0 TUJUAN

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) merupakan sebuah Universiti Islam Malaysia yang pertama ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia di permulaan abad ke-21. Penubuhannya bertujuan untuk memartabatkan pendidikan Islam serta membawanya dalam arus perdana pendidikan negara dengan menekankan penggunaan teknologi maklumat dalam sistem pengajaran dan penyelidikannya. Di samping menekankan penyampaian kualiti perkhidmatan yang cemerlang, USIM turut menitikberatkan penampilan dan keterampilan stafnya bagi memberikan imej yang baik kepada Universiti tanpa mengabaikan nilai-nilai seorang Muslim dan Muslimah yang digariskan.

Kod Etika Pakaian Staf USIM ini dibangunkan untuk menjelaskan secara terperinci tatacara berpakaian bagi seseorang staf di USIM selain bertujuan untuk menetapkan jenis pakaian yang sesuai dan kemas dipakai semasa bekerja dan semasa menghadiri majlis-majlis rasmi.



## 2.0 DEFINISI

- 2.1 "Staf" bermaksud Pegawai USIM dalam kategori Pengurusan Tertinggi, Pengurusan dan Profesional, Ahli Akademik, Sokongan I dan Sokongan II.
- 2.2 "Waktu Bekerja" adalah seperti berikut :
- i) Waktu Bekerja Normal bermaksud daripada Isnin hingga Jumaat mulai 8.00 pagi hingga 5.00 petang.
  - ii) Waktu Bekerja Giliran bermaksud daripada Isnin hingga Ahad (tertakluk kepada penetapan waktu bekerja semasa oleh Pusat Tanggungjawab berkaitan)

## 3.0 PANDUAN PAKAIAN SEMASA BEKERJA

### 3.1 Peraturan Pakaian Semasa Bekerja

#### 3.1.1 *Pakaian Staf Lelaki*

- i) Kepala  
Rambut hendaklah pendek dan kemas serta tidak mencecah kolar baju.





ii) Badan

Staf Pengurusan Tertinggi, Pengurusan dan Profesional, Ahli Akademik :

- *Lounge Suit* atau *Bush Jacket* dengan bahan kain dan warna bersesuaian iaitu kot, seluar serta kemeja berlengan panjang. Pilihan warna yang digalakkan adalah warna gelap.
- Baju kemeja lengan panjang dan seluar panjang serta bertali leher dengan warna yang sesuai. Baju kemeja yang dipakai tidak boleh dilipat.
- Diwajibkan memakai tali leher pada setiap hari dan pemakaian tali leher berlogo USIM adalah diutamakan.

Staf Sokongan I dan Sokongan II (tidak dibekalkan Pakaian Seragam) :

- Baju kemeja lengan panjang dan seluar panjang dengan warna yang sesuai. Baju hendaklah dimasukkan ke dalam (*tuck-in*) dan kemeja yang dipakai tidak boleh dilipat.
- Diwajibkan memakai tali leher pada setiap hari Isnin sahaja manakala pemakaian pada hari-hari lain adalah digalakkan. Pemakaian tali leher berlogo USIM adalah diutamakan.



iii) Badan (semua staf lelaki)

- Kemeja lengan panjang perlu dibutangkan dan sekiranya kemeja mempunyai butang kolar, kolar harus dibutangkan.
- Hujung bahagian tali leher mesti mencecah bahagian *buckle* tali pinggang dan pemilihan *buckle* hendaklah yang bersesuaian dipakai semasa bekerja.
- Digalakkan memakai tanda nama di sebelah kiri dan elakkan memakai di atas lapel kot.



- Diwajibkan memakai Kad Staf semasa waktu pejabat semasa berada dalam kawasan Universiti.
- Hendaklah memakai pakaian batik Malaysia pada setiap hari Khamis. Pemakaian batik Malaysia ini melibatkan pemakaian fesyen pakaian batik Malaysia alternatif bagi staf lelaki iaitu :
  - a) Baju kemeja batik Malaysia lengan panjang bercekak Musang dan berbutang tiga
  - b) Baju kemeja batik Malaysia lengan panjang bercekak Musang berbutang lima
  - c) Baju kemeja batik Malaysia lengan panjang berkolar Nehru butang terselindung
  - d) Baju kemeja batik Malaysia lengan panjang berkolar Mandarin berbutang tiga
- Pakaian batik Malaysia ini mestilah dipakai dengan seluar panjang dan lengan baju tidak dilipat. Sekiranya dipadankan dengan kot, baju kemeja batik hendaklah dimasukkan ke dalam (*tuck-in*).
- Dibenarkan memakai pakaian baju Melayu jenis kolar Cekak Musang atau kolar Mandarin lengkap pada hari Jumaat. Baju Melayu yang dipakai hendaklah lengkap dengan sampung, bersongkok hitam dan butang dikenakan secara lengkap. Sampung hendaklah dipakai di luar baju Melayu dan tidak melebihi lutut.

### 3.1.2 Kaki

- Kasut kulit atau lain-lain kasut yang sejenis dengannya beserta stoking hendaklah dipakai semasa bekerja. Digalakkan memakai kasut hitam dan berkilat.
- Kasut capal boleh dipakai dengan pakaian baju Melayu yang lengkap bersampung, bersongkok hitam dan berbutang lengkap.

### 3.1.3 Aksesori / Wangian

- Digalakkan memakai *cufflink* dengan baju kemeja lengan panjang.
- Digalakkan memakai pin tali leher dan pemakaiannya hendaklah selari dengan bahagian tengah saku baju. Jika memakai *Lounge Suit*, tempat pin yang sesuai ialah bersamaan atas saku baju.
- Pemilihan bauan yang lembut serta sesuai dengan keadaan bagi mengelakkan situasi yang kurang menyenangkan dan melemaskan serta elakkan bau badan khususnya bau rokok.



## 3.2 Pakaian Staf Wanita

### 3.2.1 Kepala

- Memakai tudung yang bersesuaian dan tidak mencolok mata serta digalakkan memilih tudung yang sepadan dengan warna baju.
- Staf bukan beragama Islam hendaklah menyisir rambut dengan rapi dan bagi yang berambut panjang, hendaklah diikat dengan kemas.

### 3.2.2 Badan

- Memakai baju Kurung / baju Kebaya longgar dan labuh atau *Lounge Suit* melalui gabungan *3-pieces suit* yang





bersesuaian iaitu kot, skirt labuh dan longgar serta kemeja berlengan panjang. Pilihan warna yang digalakkan adalah warna gelap.

- Staf wanita bukan warganegara dibenarkan memakai pakaian Kebangsaan Negara masing-masing atau pakaian-pakaian mengikut kaum masing-masing yang sesuai semasa bekerja.
- Staf wanita hendaklah memakai pakaian batik Malaysia iaitu baju Kurung atau baju Kebaya longgar dan labuh pada setiap hari Khamis.
- Staf mengandung hendaklah memakai kemeja atau blaus sama ada *plain* atau bercorak yang melepasi punggung dan dipadankan dengan skirt labuh yang longgar atau memakai jubah / baju mengandung labuh yang longgar.
- Pakaian staf wanita mestilah bersopan dan tidak mencolok mata.
- Digalakkan memakai tanda nama di sebelah kiri dan elakkan memakai di atas lapel kot.
- Diwajibkan memakai Kad Staf semasa waktu pejabat semasa berada dalam kawasan Universiti.

### 3.2.3 *Kaki*

- Kasut yang bertutup sekeliling.

### 3.2.4 *Aksesori / Solekan / Wangian*

- Memakai barangan kemas dan solekan secara minimal serta sesuai dengan keadaan.
- Pemilihan bauan yang minimal dan sesuai dengan keadaan bagi mengelakkan situasi yang kurang menyenangkan serta melemaskan.

## 4.0 PEMAKAIAN YANG TIDAK DIBENARKAN SEMASA BEKERJA

### 4.1 Lelaki

#### 4.1.1 Kepala

- Memakai serban, kopiah atau topi.
- Fesyen rambut mencacak, *punk* atau *skinhead* dan yang sama dengannya dan tidak dibenarkan mewarnakan rambut melainkan atas sebab-sebab kesihatan.
- Misai melebihi bibir atas dan janggut mencecah butang atas baju.
- Bertindik atau memakai subang di hidung, lidah atau yang sama jenis dengannya.

#### 4.1.2 Badan

- Memakai pakaian kasual / semi kasual seperti baju korporat, jaket korporat, T-shirt berkolar, T-shirt berkolar bulat, *jeans*, *corduroy*, seluar pendek, *bow-tie* atau yang sama jenis dengannya.
- Memakai baju Melayu Teluk Belanga melainkan atas tuntutan sesuatu majlis tersebut seperti Perarakan Maulidur Rasul dan Jamuan Hari Raya Universiti / Jabatan. Memakai baju Melayu bersama seluar kerja pada hari Jumaat juga tidak dibenarkan.





- Pakaian batik Indonesia pada hari Khamis menggantikan pakaian batik Malaysia.
- Kemeja bercetak perkataan yang tidak sesuai, logo, gambar atau slogan yang berunsurkan politik, ganas, seram dan seumpamanya. Memakai apa-apa jenis bentuk pakaian atau perhiasan yang melambangkan wanita.
- Memakai pakaian mencolok mata walaupun semasa menjalankan tugas lebih masa.
- Memakai cincin secara berlebihan-lebihan atau memakai *bangle*.
- Bertatu, mewarnakan kuku, bertindik atau memakai subang di mana-mana bahagian badan atau yang sama jenis dengannya.

#### 4.1.3 Kaki

- Selipar, kasut getah, kasut kanvas, kasut sukan atau yang sejenis dengannya.

## 4.2 Perempuan

#### 4.2.1 Kepala

- Memakai purdah atau apa-apa pakaian yang menutup muka semasa di pejabat.

#### 4.2.2 **Badan**

- Memakai pakaian kasual / semi kasual seperti baju korporat, jaket korporat, blaus pendek tidak melepasi punggung, seluar yang longgar, *jeans*, *pant suit (2-pieces)* iaitu kot dan seluar, skirt atau seluar yang singkat dan ketat atau yang sama jenis dengannya.
- Memakai pakaian yang mencolok mata seperti baju Kebaya ketat, Kurung Kedah, pakaian berlengan lebar, berleher luas, tidak berlengan serta *inner*.
- Pakaian batik Indonesia atau baju yang dipadankan dengan kain batik sarung pada hari Khamis menggantikan pakaian batik Malaysia tidak dibenarkan.
- Staf mengandung tidak dibenarkan memakai kemeja atau blaus tidak melepasi punggung. Pemakaian seluar yang longgar juga tidak dibenarkan.
- Memakai pakaian yang mencolok mata semasa menjalankan tugas lebih masa.
- Kemeja bercetak perkataan yang tidak sesuai, logo, gambar atau slogan yang berunsurkan politik, ganas, seram dan seumpamanya.
- Mewarnakan kuku (melainkan inai), rambut dan anggota lain melainkan atas sebab-sebab tertentu.



#### 4.2.3 **Kaki**

- Selipar, kasut getah, kasut kanvas dan kasut sukan atau yang sejenis dengannya tidak boleh dipakai semasa bekerja.

#### 4.2.4 Aksesori

- Bertindik atau memakai subang di hidung, lidah atau yang sama jenis dengannya.
- Memakai barangan kemas secara berlebihan sehingga memberi risiko kepada keselamatan.

#### 4.3 Pakaian Lain (Lelaki dan Wanita)

- 4.3.1 Staf lelaki wajib memakai seluar ketat / *tights* sehingga melepasi lutut ketika memakai seluar pendek seperti seluar untuk bermain bola sepak atau aktiviti lain semasa bersukan.
- 4.3.2 Staf lelaki dan wanita hendaklah berpakaian sukan atau yang bersesuaian ketika menyertai aktiviti luar seperti bersukan dan beriadah.



## 5.0 PANDUAN PEMAKAIAN PAKAIAN SERAGAM

### 5.1 **Pemakaian pakaian seragam ini perlu dipakai semasa bekerja secara berterusan bagi mereka yang dibekalkan dengannya dan penentuan kelayakan staf bagi pemakaian pakaian seragam adalah seperti berikut :**

- 5.1.1 Penolong Pegawai Perubatan / Jururawat / Penolong Pegawai Farmasi / Pengawal Keselamatan / Atendan Kesihatan / Setaraf
- Sebagai lambangkuasa yang diperuntukkan kerana tugas jawatan yang melibatkan penguatkuasaan undang-undang, memasuki kawasan, bangunan dan rumah-rumah untuk tujuan pemeriksaan. Dibekalkan bagi tujuan pengenalan diri pegawai kepada orang yang terlibat semasa menjalankan tugas mereka dan dikehendaki memakai pakaian seragam sepanjang waktu bertugas.
- 5.1.2 Staf terlibat dengan bidang tugas di Makmal, Bengkel dan Wad Rawatan Pesakit.
- Bagi tujuan perlindungan dan keselamatan diri kakitangan daripada percikan bahan-bahan kimia dan kekotoran semasa bertugas.
- 5.1.3 Pemandu / Pembantu Am Pejabat / Pekerja Am - Bagi tujuan kebersihan diri dan kekemasan rupa.

## 6.0 PANDUAN PAKAIAN MENGHADIRI ISTIADAT DAN MAJLIS

### 6.1 Definisi Jenis- Jenis Pakaian

#### 6.1.1 *Pakaian Kebangsaan Rasmi*

- Tanjak berwarna hitam
- Baju Melayu berwarna hitam berleher Cekak Musang
- Seluar hitam
- Samping warna hitam (songket)
- Bengkung warna hitam
- Stoking warna hitam
- Sepatu kulit hitam berkilat
- Berkeris (waktu malam tidak berkeris)

#### 6.1.2 *Pakaian Kebangsaan Hitam*

- Songkok hitam
- Baju Melayu warna hitam berleher Cekak Musang
- Samping warna hitam (songket)
- Stoking warna hitam
- Sepatu kulit hitam berkilat

#### 6.1.3 *Pakaian Kebangsaan*

- Songkok hitam
- Baju Melayu berleher Cekak Musang
- Samping songket

- Stoking warna hitam
- Sepatu kulit hitam berkilat

#### 6.1.4 *Lounge Suit*

- Kot
- Seluar
- Kemeja berkolar
- Tali leher
- Stoking warna hitam
- Sepatu kulit hitam berkilat
- Bersongkok (jika disebut dan diperlukan)

#### 6.1.5 *Black Tie*

- Jaket hitam dengan berlapikkan sutera hitam di kelepak baju atau Shell Jaket Putih (*Tuxedos*)
- Kemeja putih berkanji di sebelah hadapan
- *Soft Collar*
- *Bow-tie* hitam
- *Cummerbund* (bengkong) hitam atau *Waistcoat* putih
- Seluar hitam dengan satu jalur sutera (*silk stripe*)
- Stoking hitam
- Sepatu kulit hitam berkilat

## 6.2 Pakaian Semasa Menghadiri Istiadat Dan Majlis

MAJLIS	LELAKI	WANITA
Majlis Angkat Sumpah Jawatan oleh YDPA atau Timbalan YDPA	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pakaian Kebangsaan warna hitam; atau</li> <li>• <i>Lounge Suit</i> warna gelap</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Baju Kurung berselendang; atau</li> <li>• Kebaya labuh berselendang; atau</li> <li>• Pakaian Kebangsaan masing-masing</li> </ul>
Majlis Mengadap Hari Keputeraan dan Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pakaian Kebangsaan Rasmi (Keris dan Tengkolok)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Baju Kurung berselendang; atau</li> <li>• Kebaya labuh berselendang; atau</li> <li>• Pakaian Kebangsaan masing-masing</li> </ul>
Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat yang Diadakan Selepas Hari Ulang Tahun Keputeraan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pakaian Kebangsaan Rasmi (Keris dan Tengkolok); atau</li> <li>• Pakaian Kebangsaan warna hitam</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Baju Kurung berselendang; atau</li> <li>• Kebaya labuh berselendang; atau</li> <li>• Pakaian Kebangsaan masing-masing</li> </ul>
Majlis Jamuan Teh Diraja Sempena Hari Keputeraan Rasmi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pakaian Kebangsaan bersongkok; atau</li> <li>• <i>Lounge Suit</i> (bukan beragama Islam)</li> </ul> <p><b>* Warna yang dilarang</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kuning diraja</li> <li>• Baju putih sedondon (Pakaian yang sama warna tanpa bunga iaitu baju, seluar dan samping)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Baju Kurung berselendang; atau</li> <li>• Kebaya labuh berselendang; atau</li> <li>• Pakaian Kebangsaan masing-masing (labuh dan ada lengan)</li> </ul> <p><b>* Warna yang dilarang</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kuning diraja</li> <li>• Baju putih sedondon (Pakaian yang sama warna tanpa bunga iaitu baju, kain dan selendang)</li> </ul>
Majlis Menghadap Pembesar Negara	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pakaian Kebangsaan warna hitam; atau</li> <li>• <i>Lounge Suit</i> warna gelap; atau</li> <li>• Pakaian Kebangsaan masing-masing</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Baju Kurung berselendang; atau</li> <li>• Kebaya labuh berselendang; atau</li> <li>• Pakaian Kebangsaan masing-masing; atau</li> <li>• Pakaian Kebangsaan negara masing-masing</li> </ul>

Istiadat Pembukaan Persidangan Parliman	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pakaian Kebangsaan Rasmi (Keris dan Tengkolok)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Baju Kurung berselendang; atau</li> <li>• Kebaya labuh berselendang; atau</li> <li>• Pakaian Kebangsaan masing-masing</li> </ul>
Istiadat Ziarah dan Penghormatan Terakhir Kemangkatan	<p><i>Bagi orang Islam :</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pakaian Kebangsaan dan songkok dililit dengan kain putih selebar 1 inci pada songkok</li> </ul> <p><i>Bagi orang bukan Islam :</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Lounge Suit</i> dan tali leher hitam serta lilitan kain hitam di lengan baju</li> </ul>	<p><i>Bagi orang Islam :</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pakaian Baju Kurung; atau</li> <li>• Kebaya labuh serta berselendang putih</li> </ul> <p><i>Bagi orang bukan Islam :</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pakaian sempurna dan sopan serta bertudung hitam</li> </ul>
Majlis Berbuka Puasa di Istana Negara / Bangunan Parlimen / Masjid	Pakaian Kebangsaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Baju Kurung berselendang; atau</li> <li>• Kebaya labuh berselendang</li> </ul>
Majlis Makan Malam Tidak Rasmi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pakaian biasa lengan panjang; atau</li> <li>• Batik lengan panjang; atau</li> <li>• Pakaian Kebangsaan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Baju Kurung berselendang; atau</li> <li>• Kebaya labuh berselendang; atau</li> <li>• Pakaian Kebangsaan masing-masing</li> </ul>
Majlis Jamuan Teh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pakaian Kebangsaan; atau</li> <li>• <i>Lounge Suit</i></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Baju Kurung berselendang; atau</li> <li>• Kebaya labuh berselendang; atau</li> <li>• Pakaian Kebangsaan masing-masing</li> </ul>
Majlis Jamuan Ringan ( <i>Cocktail</i> )	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pakaian Kebangsaan; atau</li> <li>• <i>Lounge Suit</i> warna gelap</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Baju Kurung berselendang; atau</li> <li>• Kebaya labuh berselendang; atau</li> <li>• Pakaian Kebangsaan masing-masing</li> </ul>
Jamuan Tengahari	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pakaian Kebangsaan; atau</li> <li>• <i>Lounge Suit</i></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Baju Kurung berselendang; atau</li> <li>• Kebaya labuh berselendang; atau</li> <li>• Pakaian Kebangsaan masing-masing</li> </ul>

Majlis Jamuan Teh Rasmi (diadakan oleh mana-mana pihak kecuali Istana Negara)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pakaian kerja (Kemeja lengan panjang dan tali leher); atau</li> <li>• <i>Lounge Suit</i>; atau</li> <li>• Baju Batik lengan panjang</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Baju Kurung berselendang; atau</li> <li>• Kebaya labuh berselendang</li> </ul>
Majlis Jamuan Teh Tidak Rasmi (diadakan oleh mana-mana pihak kecuali Istana Negara)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Baju Batik lengan panjang</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Baju Melayu moden</li> </ul>
Majlis Jamuan Makan Tengahari (Rasmi) (diadakan oleh mana-mana pihak kecuali Istana Negara)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pakaian kerja; atau</li> <li>• <i>Lounge Suit</i>; atau</li> <li>• Baju Batik lengan panjang</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Baju Kurung berselendang; atau</li> <li>• Kebaya labuh berselendang</li> </ul>
Majlis Jamuan Makan Malam (anjuran mana-mana pihak)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pakaian Kebangsaan warna hitam; atau</li> <li>• <i>Black Tie</i></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Baju Kurung berselendang; atau</li> <li>• Kebaya labuh berselendang</li> </ul>

Jadual 1 : Panduan Pakaian Semasa Menghadiri Pelbagai Istiadat dan Majlis

**6.2.1** Panduan Pakaian Semasa Menghadiri Pelbagai Istiadat dan Majlis di Jadual 1 di atas telah disesuaikan bagi tujuan panduan pemakaian staf USIM.

**6.2.2** Staf yang dikehendaki menghadiri upacara rasmi untuk menerima bintang atau pingat dalam Majlis Istiadat Pengurniaan Bintang dan Pingat sama ada di Peringkat Persekutuan atau Negeri layak diberi Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi (Pekeliling Pejabat Pendaftar Bil. 4 Tahun 2008).

## 7.0 RUMUSAN

Pematuhan terhadap peraturan pakaian semasa bekerja di pejabat dan ketika menghadiri pelbagai istiadat dan majlis memerlukan komitmen dan penghayatan semua staf USIM. Penentuan pemakaian ini melambangkan kedudukan sosioekonomi, imej dan personaliti seseorang individu selain membentuk peribadi agar lebih berdisiplin dan berketerampilan. Ini sekaligus mengangkat imej yang baik bagi USIM selaras dengan peraturan semasa yang telah ditetapkan kepada semua pegawai awam oleh pihak Pengurusan Universiti dan Kerajaan.

Penguatkuasaan adalah serta merta.

Bahagian Governan dan Pentadbiran Am  
Jabatan Pendaftar  
**UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**



## RUJUKAN

- |   |   |
|---|---|
| <p>i. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2011.<br/>- Peraturan dan Kadar Bekalan Pakaian Seragam</p> <p>ii. Garis Panduan Etika Pakaian Staf Universiti Utara Malaysia 2010</p> <p>iii. The Red Book : Garis Panduan Tatacara dan Etika Pemakaian Korporat Warga MAMPU 2009</p> <p>iv. Mokhtar Mohd Tohar (2008) <i>Protokol dan Etiket Dalam Pengurusan dan Menghadiri Majlis (Edisi Baru)</i>; Institut Tadbiran Awam Negara dan Jabatan Perkhidmatan Awam.</p> <p>v. Kod Etika Pakaian Staf USIM 2008</p> <p>vi. Pekeliling Pejabat Pendaftar Bil. 4 Tahun 2008.<br/>- Bayaran Pakaian Istiadat, Bantuan Bayaran Pakaian <i>Black Tie</i> dan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi</p> | <p>vii. Pekeliling Pejabat Pendaftar Bil. 2 Tahun 2008.<br/>- Pemakaian Pakaian Batik Malaysia Pada Setiap Hari Khamis</p> <p>viii. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2008<br/>- Pemakaian Pakaian Batik Malaysia oleh Pegawai Awam Pada Hari Khamis</p> <p>ix. Pekeliling Pejabat Pendaftar Bil. 1 Tahun 2008<br/>- Penguatkuasaan Pemakaian Kad Staf di Kawasan Universiti</p> <p>x. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2006<br/>- Fesyen Pakaian Alternatif Sebagai Pakaian Semasa Bekerja dan Menghadiri Upacara Rasmi</p> <p>xi. Surat Edaran 15 Mac 2005<br/>- Galakan Memakai Baju Kebangsaan Pada Hari Jumaat Kepada Semua Pegawai Lelaki Beragama Islam</p> |
|---|---|



- xii. Pekeliling Pejabat Pendaftar Bil. 8 Tahun 2005
  - Tambahan Peraturan Penguatkuasaan Pakaian Seragam
- xiii. Pekeliling Pejabat Pendaftar Bil. 3 Tahun 2005
  - Pemakaian Tali Leher Untuk Semua Kakitangan Pada Setiap Hari Isnin
- xiv. Pekeliling Pejabat Pendaftar Bil. 8 Tahun 2001
  - Penguatkuasaan Pakaian Seragam
- xv. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1990
  - Peruntukan Bekalan Pakaian Seragam
- xvi. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1985
  - Pakaian Masa Bekerja dan Semasa Menghadiri Upacara-Upacara Rasmi Bagi Pegawai-Pegawai Awam





جامعة العلوم الإسلامية الماليزية

جامعة العلوم الإسلامية الماليزية



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

جامعة العلوم الإسلامية الماليزية  
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

Diterbitkan oleh :

**BAHAGIAN GOVERNAN DAN PENTADBIRAN AM**

**JABATAN PENDAFTAR**

Universiti Sains Islam Malaysia

Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai

Negeri Sembilan Darul Khusus

Tel : 06-798 6021/8123 Faks : 06-798 8130

<http://www.usim.edu.my>